

PENDAFTARAN JURUUKUR BAHAN

MOHD ASRUL BIN WAHAB

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Muda Ukur Bahan

Falkuti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhamad S.A.W, para sahabat, para anbia', para shuhada, para ulama', para solihin dan seluruh muslimin dan muslimat sekian Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya maka saya dapat menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan sempurna.

Sejuta penghargaan ikhlas dirakamkan kepada Encik Jamaludin Yaakob selaku penyelia projek sarjana muda ini dan di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dilaksanakan. Tidak lupa juga kepada Encik Muzani bin Mustapa selaku pembaca kedua yang sudi membaca dan memberi nasihat dan bimbingan supaya projek ini dapat disiapkan dengan lebih sempurna.

Kepada emak, Puan Maizatulkam binti Hj. Yahya dan abah, Encik Wahab bin Mohd Zin serta seisi keluarga tercinta yang sentiasa memberi semangat dan dorongan ke atas diri ini. Tidak lupa juga buat insan istimewa yang selalu berada di sisi membakar semangat bagi meneruskan perjuangan ini.

Ingatan kepada semua teman seperjuangan warga 3 SBQ dan semua yang sentiasa memberi sokongan berterusan. Segala corat-corek kita bersama selama 2 tahun sukar untuk diluputkan dari ingatan. Teruskan perjuangan hingga ke akhir waktu.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek sarjana muda ini. Akhir kata dari saya, sekian terima kasih.

ABSTRAK

Seksyen 7(1) dan 8(1) Akta Juruukur Bahan 1967 jelas menyatakan bahawa seorang Juruukur Bahan yang tidak berdaftar tidak layak digelar Juruukur Bahan dan mereka juga tidak layak mengamalkan praktis Juruukur Bahan dan tidak layak memberikan perkhidmatan Juruukur Bahan. Namun pada masa kini, masih terdapat ramai Juruukur Bahan di Malaysia yang tidak berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM). Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti halangan yang menyebabkan ramai Juruukur Bahan tidak berdaftar menjadi Juruukur Bahan berdaftar dan mengenal pasti langkah yang dapat menggalakkan Juruukur Bahan supaya berdaftar. Kaedah kajian yang digunakan bagi mengumpulkan maklumat mengenai apakah halangan Juruukur Bahan yang tidak berdaftar serta langkah yang dapat menggalakkan mereka supaya berdaftar ialah melalui kaedah borang soal selidik. Borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan kaedah min skor, peratusan dan kaedah kekerapan (frekuensi). Dalam usaha mencapai objektif tersebut, pihak responden yang telah dipilih terdiri daripada responden Juruukur Bahan tidak berdaftar yang mana responden yang bekerja di firma konsultan Ukur Bahan yang berdaftar dengan LJBM di Malaysia. Oleh itu, 40 set borang soal selidik diedarkan kepada Juruukur Bahan yang bekerja di firma ukur bahan. Melalui hasil daripada kajian ini didapati bahawa halangan yang paling utama bagi Juruukur untuk berdaftar adalah bebanan kerja yang banyak dan kos untuk menghadiri sesuatu seminar yang terlalu tinggi. Melalui hasil daripada kajian ini didapati bahawa langkah yang paling penting bagi menggalakkan lebih ramai Juruukur berdaftar ialah pihak LJBM perlu mewajibkan majikan supaya menggalakkan pekerja-pekerja mereka untuk berdaftar disamping memberi faedah dan kemudahan seperti kenaikan gaji, kenaikan pangkat dan menanggung segala kos untuk mendaftar dan menghadiri seminar-seminar yang dianjurkan oleh pihak LJBM.

ABSTRACT

Sections 7(1) and 8(1) Quantity Surveyors Act 1967 provides that non-registered Quantity Surveyors are not eligible to be called Quantity Surveyor and they also ought not to practise quantity surveying professions and give services of quantity surveying. Nevertheless, nowadays there are still many Quantity Surveyors in Malaysia who are not registered with the Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM). The objectives of this study were, to identify barriers that cause many of the Quantity Surveyors not registered with BQSM and to identify the steps to encourage them to register with BQSM. The methodology used to gather data was through questionnaires. Questionnaires were analysed using mean scores, and percentage of frequency. In order to achieve these objectives, the respondents were those non-registered Quantity Surveyors and work with quantity surveying consulting firms registered with the BQSM. Fourty sets of questionnaires were distributed to the Quantity Surveyors working in quantity surveying firms. This study found that the two main barriers for Quantity Surveyors to be registered were one, a heavy workload and two, high fees to attend seminars. This study also found that the most important step to encourage more Quantity Surveyors to register is that, employers should encourage their employees to register with the benefit and various conveniences like increment in salary, promotion and also bear all costs to register and attend seminars.